

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT
[BETONG]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO.40

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah dan keluasan kawasan Skim Pengairan dan Saliran di Sarawak. Nyatakan jumlah peruntukan kepada Sarawak untuk menyelenggara skim tersebut pada tahun 2019.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pada masa sekarang terdapat 84 buah skim dibawah selenggaraan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Sarawak yang meliputi kawasan seluas 91,601 hektar. Skim-skim ini terbahagi kepada tiga (3) jenis iaitu Skim Pengairan, Skim Saliran Terkawal dan Skim Saliran. Skim Pengairan dan Skim Saliran Terkawal adalah berfungsi sebagai kawasan penanaman padi manakala Skim Saliran berfungsi sebagai kawasan tanaman kontan seperti kelapa, pisang, buah-buahan dan lain-lain. Namun terdapat sesetengah kawasan di dalam Skim Saliran turut digunakan sebagai kawasan penanaman padi.

2. Bagi membolehkan infrastruktur sediaada yang terdapat didalam skim ini mengekalkan fungsinya, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak **RM 2.12 juta** kepada JPS Sarawak pada 2019 untuk Program Penyelenggaraan Persekutuan Kawasan Luar Jelapang bagi tujuan kerja-kerja menyelenggara infrastruktur pengairan dan saliran di kawasan skim-skim berkenaan

3. Sebagai tambahan, jumlah Skim Dalam Jelapang dibawah seliaan Pejabat Kawasan Pertanian Bersepadu (IADA) adalah seluas **30,251.4 ha** dengan jumlah peruntukan pada tahun 2019 adalah sebanyak **RM2.7 juta**.

Sekian, terima kasih.